



# MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;  
BIJAK MENYINGKAPI  
PERBAZAAN PENDAPAT



ISLAMIC SAVOIR OBEIDENCE

Unit Khutbah  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Selangor





**"BIJAK MENYINGKAPI PERBEZAAN PENDAPAT".1**

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ ۖ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾</p>	2	
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3	
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4	
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٣﴾</p>	6	
<p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian marilah bersama-sama kita memperkasakan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenar-benar taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mengecapi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>		5
<p>Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk <b>"BIJAK MENYINGKAPI PERBEZAAN PENDAPAT."</b></p>		6



Perbezaan pandangan berpunca daripada pengaruh seseorang atau sesuatu kumpulan tentang pengalaman, persekitaran, pengetahuan, kemahiran dan kesedaran mereka. Antara faktor yang menyebabkan timbulnya isu perbezaan dan perselisihan adalah sikap seringkali menonjolkan pemikiran dan paradigma kumpulan masing-masing, tidak meraikan ideologi politik lain walaupun ianya tidak bertentangan dengan syariat, suka dan merasa hebat apabila disanjung, sentiasa merasakan pandangan kita sahaja betul dan yang selainnya adalah salah.

7

Ini realiti berlaku pada hari, terjadinya perselisihan dan perbalahan isu ideologi politik sama ada secara maya dimedia-media sosial mahupun berlaku di alam nyata dengan pendekatan fitnah, kecam mengecam, hina menghina, mencaci keperibadian seseorang, memperlekehkan individu, kumpulan atau organisasi tertentu. Ia seolah-olah menjadi amalan biasa dalam kehidupan tanpa merasa bersalah atau berdosa. Apabila sesuatu isu hangat diperkatakan maka wujudlah pendekatan merendah-rendahkan maruah dan paling menyedihkan ia membuka keaiban sesama Muslim.

8

Oleh itu, akibat perbezaan dan perselisihan tanpa kita sedari telah menyakiti hati saudara-saudara kita. Perbezaan pandangan perlu didasari dengan semangat mencari kebenaran. Berbincanglah secara harmoni, bukan bertanding mencari yang menang atau yang kalah. Sebaliknya, bermuafakatlah mencari kebenaran dan bermuhasabah atas kesilapan. Justeru, umat Islam perlu mengutamakan perhubungan ukhuwah Islamiyyah dengan menolak provokasi dan tindakan yang boleh mengundang fitnah dalam masyarakat.

9



<p>Islam adalah ajaran yang menggalakkan hambanya berinteraksi, bergaul dengan menjalinkan hubungan baik, harmoni dan sejahtera dalam kehidupan. Islam menitik beratkan permuafaktan dan perdamaian kerana mukmin yang menjalinkan persaudaraan dengan bertegur sapa, menziarahi yang sakit atau kematian, menderma, kunjung-mengunjung dan memenuhi jemputan. Amalan ini dapat dilaksanakan tidak kira sesama Islam ataupun bukan.</p>	10
<p>Oleh itu, langkah interaksi secara tepat apabila berhadapan dengan perbezaan pendapat atau ideologi politik adalah:</p> <p>Pertama: Secara asasnya perlu meletakkan hubungan keluarga dan persahabatan mengatasi semua perkara termasuk politik. Islam meletakkan silaturrahim dan ukhuwah Islamiyyah mengatasi segala-galanya. Kita perlu menjaga dan memelihara ikatan sillaturrahim agar tidak terjerumus kepada dosa yang lebih besar.</p>	11
<p>Hadis daripada Abi Bakrah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مَا مِنْ ذَنْبٍ أَجْدَرُ أَنْ يُعَجَّلَ اللَّهُ لِصَاحِبِهِ الْعُقُوبَةَ فِي الدُّنْيَا مَعَ مَا يَدَّخِرُ لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْبَغْيِ وَقَطِيعَةِ الرَّحِمِ</p>	12
<p><i>"Tidak ada dosa yang lebih layak dipercepat hukumannya di dunia, dan apa yang dipersiapkan Allah baginya di akhirat daripada tindakan kezaliman dan memutuskan hubungan silaturrahim".</i></p> <p><i>(Riwayat al-Tirmizi dan Ibnu Majah).</i></p>	13



Kedua: Semaikan sifat berlapang dada dan suburkan rasa cinta sesama saudara Islam. Berlapang dada bermaksud bersabar, ikhlas dan reda menghadapi setiap ujian khususnya ujian menempuh pelbagai kesulitan hidup. Umat Islam diajar berlapang dada dan belajarlah menerima kenyataan dalam semua perkara termasuk dalam berpolitik sekalipun yang sering menjadikan kita terlalu fanatik dan lupa adab sebagai seorang Muslim. Bahkan Rasulullah SAW melarang kita membangkitkan bibit-bibit permusuhan. Ini kerana, ianya perkara sia-sia yang mengundang fitnah dan kebencian bahkan perbuatan fitnah dikecam keras

14

Rasulullah SAW sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh Huzaiifah Radiallahuanhu yang bermaksud:

*"Tidak masuk syurga orang yang menyebarkan fitnah (mengadu domba)."*

*(Riwayat al-Bukhari dan Muslim ).*

15

Ketiga: Tidak kira ideologi mana yang didukung dan disokong kita perlu terus bersatu sebagai rakan karib dan berkongsi harapan, impian dan tujuan yang sama untuk membangunkan negara. Ini kerana, kestabilan dan keharmonian negara perlu mempunyai persekitaran yang kondusif agar rakyat dapat hidup dengan aman dan sejahtera. Sekiranya negara berada dalam keadaan tidak stabil, maka akan muncul pihak dan musuh dari luar mahupun dalaman yang akan mengambil peluang dan kesempatan dengan niat untuk mengganggu gugat perpaduan dan kestabilan negara. Lupakah kita yang Rasulullah SAW sangat cinta dan sayangkan Mekah sebagai negara yang pernah didiaminya.

16



Hadis daripada Ibnu Abbas Radiallahuanhuma bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا أَطْيَبَكَ مِنْ بَلَدٍ وَأَحَبَّكَ إِلَيَّ وَلَوْلَا أَنَّ قَوْمِي أَخْرَجُونِي مِنْكَ مَا سَكَنْتُ  
غَيْرَكَ

17

*"Aku tidak menemui negeri yang lebih baik dari engkau (wahai Mekah), dan tidak ada negeri yang lebih aku sayangi dari Mekah. Kalaulah bukan kerana kaummu (iaitu Quraysh) telah menghalauku, aku tidak akan tinggalkan negeri ini."*

*(Riwayat al-Tirmizi).*

18

Keempat: Jauhilah diri daripada membuat fitnah dan kenyataan provokasi serta perbuatan yang menimbulkan ketegangan dan keresahan dalam masyarakat dengan menghina sesuatu kumpulan, budaya, etnik, organisasi atau agama dengan mencetuskan sentimen politik perkauman.

19

Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 93:

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن يُضِلُّ مَنْ يَشَاءُ  
وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَلَتُسْأَلُنَّ عَمَّا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

20



*"Dan jika Allah menghendaki, tentulah Dia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama Allah yang satu); akan tetapi Allah menyesatkan sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) dan memberi petunjuk kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya) dan sesungguhnya kamu akan ditanya kelak tentang apa yang kamu telah kerjakan."*

21

Kelima: Perbezaan tidak harus didasari oleh hawa nafsu sebaliknya berusaha untuk mencari kebenaran dan keredaan Allah. Oleh itu, perbezaan tidak menjadikan kita berbalah apatah lagi bermusuhan. Sebagai Muslim, kita juga perlu bijak menangani dan menguruskan perbezaan ideologi politik berdasarkan masa, situasi dan tempat.

22

Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 118:

﴿ ١١٨ ﴾ وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً ۗ وَلَا يَزَالُونَ مُخْتَلِفِينَ

23

*"Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan."*

Allah boleh menciptakan manusia dalam satu pola dan corak pemikiran sahaja. Namun, dengan sifat Allah yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih, Allah berikan peluang kepada manusia untuk merasai kemanisan berbeza pendapat.

24

Perbezaan pendapat sebenarnya manis dan lazat kerana ia menjadikan sudut pandang kita semakin luas. Jadikanlah perbezaan pendapat itu dapat memartabatkan dan memberikan kekuatan kepada ummah.



<p>Ini kerana, semua perbezaan pendapat dan pandangan berasaskan kepada dalil dan pemikiran yang kritis. Oleh itu, kita dapati sebahagian daripada pemikir Islam menyatakan perbezaan itu jalan kepada perpaduan. Ia membina kekuatan setiap aliran supaya dapat mengambil faedah dan manfaat daripada aliran yang lain. Akhirnya, ia membentuk pemikiran yang matang dan sejahtera.</p>	25
<p>Justeru, kita perlu meneutralkan politik permusuhan dan membina jambatan etnik dan bukannya menjadi wira etnik. Daripada Abu Umamah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:</p> <p><i>“Sesiapa yang meninggalkan perbalahan, sedangkan dia di pihak yang salah, nescaya dibinakan untuknya sebuah rumah di sekitar Syurga dan sesiapa meninggalkan perbalahan sedangkan dia di pihak yang benar, nescaya dibinakan baginya sebuah rumah di tengah Syurga. Dan sesiapa yang memperelokkan perangnya, nescaya dibinakan baginya tempat yang paling tinggi di dalam Syurga”.</i></p> <p><i>(Riwayat Abu Daud, Al-Tirmizi, Ibnu Majah dan Baihaqi).</i></p>	26
<p>Kesimpulan dan pengajaran yang dapat kita renung daripada khutbah hari ini adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah menjauhi permusuhan, pertentangan, pertikaian dalam sesuatu isu lebih-lebih lagi dalam isu ideologi politik.</li><li>2. Kita perlu bijak dalam meraikan perbezaan pendapat lebih-lebih lagi dalam isu politik yang bersifat ijtihadi. Perbezaan serta perselisihan pendapat hendaklah diuruskan dengan baik dan betul.</li><li>3. Orang-orang yang dibenci oleh Allah adalah orang yang paling suka mencari dan membuka ruang permusuhan antara sesama manusia kecuali orang-orang yang sentiasa memohon rahmat daripada Allah SWT.</li></ol>	27





<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ إِلَّا مَنْ رَحِمَ رَبُّكَ وَلِذَلِكَ خَلَقَهُمْ<sup>ق</sup> وَتَمَّتْ كَلِمَةُ رَبِّكَ لَأَمْلَأَنَّ جَهَنَّمَ مِنَ الْجِنَّةِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ ﴿١١٩﴾</p>	28
<p><i>(Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah) dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhi Neraka Jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa)."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Hud : 119).</i></p>	29
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	10
اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	11
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).	16
Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.	17



<p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p>	18
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	19
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	20
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	21
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	22